

Syarat jadi PM lebih lama

SUNGAI PETANI 2 Ogos - Tun

Dr. Mahathir Mohamad boleh memerintah negara ini sebagai Perdana Menteri untuk tempoh 'jangka masa panjang' tetapi perlulah mendapat persetujuan daripada empat pimpinan komponen Pakatan Harapan (PH) terlebih dahulu.

Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri PKR Kedah, Datuk Johari Abdul berpendapat, perkara itu tidak menjadi masalah sekiranya keempat-empat parti iaitu PKR, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Parti Amanah Negara (Amanah) dan DAP sebulat suara mengenyainya.

Beliau walau bagaimanapun tidak menyatakan tempoh jangka masa tersebut.

"Jika keputusan bersama (persetujuan) tidak dicapai, maka pemimpin itu (Dr. Mahathir) harus akur sahaja dengan perjanjian yang telah dibuat oleh pimpinan PH sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu.

"Selagi tiada keputusan baharu, keputusan lama masih terpakai," katanya kepada

pemberita semasa mengadakan lawatan ke Majlis Hari Terbuka Yayasan Orphancare Sungai Petani, Taman Ria Jaya di sini hari ini.

Johari berkata, beliau akur sekiranya pimpinan PH telah berbincang dan bersepakat untuk melanjutkan tempoh Perdana Menteri ketujuh itu bagi memerintah negara ini.

"Kalau hendak memerintah lima tahun atau 10 tahun, itu bukan masalah, sebaliknya ia bergantung kepada persetujuan bersama empat pimpinan parti berkenaan.

"Kami sebagai pemimpin bawahan akur (melanjutkan tempoh pemerintahan) tetapi saya ada pandangan berbeza," katanya yang enggan mengulas pandangan tersebut.

Ditanya mengenai kenyataan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang bersetuju agar Dr. Mahathir memerintah sehingga habis penggal, beliau berkata, itu adalah pandangan peribadi Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu sahaja.